

## بَاب الصَّلَاةِ عَلَى الْخُمُرَةِ

### 21- Bab Bersembahyang Dengan Melapik Sejadah Kecil.<sup>469</sup>

٣٦٨ - حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ قَالَ حَدَّثَنَا شُبَّابُهُ قَالَ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ الشَّيْبَانِيُّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ شَدَّادٍ عَنْ مَيْمُونَةَ قَالَتْ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي عَلَى الْخُمُرَةِ

368- Abu al-Walid meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu`bah meriwayatkan kepada kami, katanya: Sulaiman asy-Syaibani meriwayatkan kepada kami daripada `Abdillah bin Syaddad daripada Maimunah, katanya: "Rasulullah s.a.w. selalu bersembahyang dengan melapik khumrah (sejadah kecil)."<sup>470</sup>

---

bersujud di atas tikar. (11) Perkataan pakai tidak semestinya digunakan untuk pakaian seperti baju, seluar dan sebagainya. Ia juga boleh digunakan untuk pelapik atau hamparan seperti tikar. (12) Sembahyang sunat lebih afodal dilakukan di rumah. Masjid pada dasarnya di bina untuk sembahyang farfhu. (13) Sembahyang membawa berkat kepada rumah dan penghuninya. (14) Apabila ma'mum dua orang ke atas, mereka hendaklah membuat saf di belakang imam. (15) Sembahyang ma'mum yang terpisah sendirian di dalam saf di belakang imam adalah sah mengikut Abu Hanifah, Malik, Syafi'e, al-Laits bin Sa'ad, Al-Auzaa'i, ats-Tsauri dan lain-lain. Salah satu pegangan mereka ialah hadits ini, di mana nenek Anas bersembahyang seorang diri dalam saf yang berasingan di belakang Nabi s.a.w. Tetapi Imam Ahmad, Ishaq, Ibnu al-Munzir Ashhaabu al-hadits dan kebanyakan ahli az-Zahir berpendapat tidak sah. Mereka anatara lain berpegang dengan hadits . لا صلاة لفرد خلف الصف . Bermaksud: Tiada sembahyang bagi orang yang bersendirian di belakang saf. (Riwayat Ibnu Hibbaan, Ahmad, Baihaqi dan lain-lain).

<sup>469</sup> Khumrah ialah sejадah kecil yang hanya dapat menampung muka sahaja atau muka dan tapak tangan sahaja ketika bersujud. Bab ini diadakan Bukhari r.a. untuk menyatakan beberapa perkara berikut: (1) Keharusan bersembahyang di atas sesuatu hamparan atau pelapik, biar daripada apa sekalipun ia dibuat, asalkan ia bersih dan suci. Cuma hamparan ada yang besar dan ada juga yang kecil. Hamparan besar yang dapat menampung semua bahagian tubuh seseorang yang bersembahyang di panggil hashir (tikar) dan hamparan kecil yang hanya dapat menampung muka sahaja atau muka dan tapak tangan sahaja ketika bersujud dipanggil khumrah. Sebahagian anggota orang yang bersembahyang dengan memakai khumrah akan menyentuh tanah atau bumi. Manakala sebahagian lagi iaitu muka dan tapak tangannya akan terhalang daripada mengenai tanah. Bersembahyang di atas kedua-dua bentuk hamparan itu adalah sah. (2) Pandangan dan amalan sesetengah salaf seperti Ibnu Mas'ud dan 'Umar bin 'Abdil 'Aziz yang menganggap makruh bersembahyang di atas tikar atau khumrah adalah tertolak dan tidak boleh dijadikan contoh kerana bercanggah dengan amalan Nabi s.a.w. 'Umar bin 'Abdil 'Aziz diriwayatkan tidak bersembahyang kecuali di atas tanah atau bumi secara langsung tanpa sebarang pelapik. Kalau kebetulan beliau bersembahyang di atas tikar atau khumrah, beliau terlebih dahulu akan meletakkan tanah atau mana-mana bahagian bumi yang lain di tempat sujudnya. Bagi Bukhari r.a. tiada pendapat melebihi hadits Nabi s.a.w. dan tiada amalan mengatasi amalan beliau s.a.w. (3) Sabda Rasulullah s.a.w. bahawa "Bumi ini telah dijadikan untukku sebagai masjid (tempat bersembahyang) dan sebagai bahan untuk bersuci" sama sekali tidak bererti seseorang mestilah bersembahyang di atas bumi tanpa berlapik. Sembahyangnya di atas benda-benda lain seperti tikar, sejadah, khumrah dan lain-lain juga sah jika benda-benda itu bersih. Amalan Nabi s.a.w. adalah sebaik-baik penjelas kepada hadits-hadits beliau yang mubham atau mujmal. (4) Bab bersembahyang di atas sutuh, mimbar, kayu, hashir, khumrah dan tilam dibuat berasingan padahal kesemuanya termasuk dalam benda-benda yang menghalang seseorang daripada bersembahyang secara langsung di atas bumi, tidak kerana lain melainkan kerana Rasulullah s.a.w. ada bersembahyang di atas masing-masing daripadanya. Walaupun kesemuanya boleh dimasukkan di bawah satu bab sahaja tetapi beliau sengaja mengasingkan dan memisahkanya untuk menarik perhatian pembaca kepada hadits-hadits yang mengemukakan benda-benda tersebut tadi secara berasingan.

<sup>470</sup> Bukan sekali dua Rasulullah s.a.w. bersembahyang beralaskan khumrah, malah beliau selalu bersembahyang dengan melapik khumrah di tempat sujudnya berdasarkan hadits ini. Oleh itu tidak mungkin sama sekali penggunaan khumrah menyebabkan sembahyang seseorang menjadi makruh. Bertolak dari hakikat inilah Sa'id bin

بَابُ الصَّلَاةِ عَلَى الْفِرَاشِ وَصَلَّى أَنَسٌ عَلَى فِرَاسِهِ وَقَالَ أَنَسٌ كَمَا نَصَّلَيْ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَيَسْجُدُ أَحَدُنَا عَلَى تَوْهِ

22- Bab Bersembahyang Di Atas Tilam. Anas Bin Malik Bersembahyang Di Atas Tilamnya. Anas Berkata: Kami Selalu Bersembahyang Bersama Nabi S.A.W. Dalam Keadaan Ada Di Antara Kami Org Yang Bersujud Di Atas Kain Yang Dipakainya (Sendiri).<sup>471</sup>

٣٦٩ - حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ قَالَ حَدَّثَنِي مَالِكٌ عَنْ أَبِي التَّضْرِيرِ مَوْلَى عُمَرَ بْنِ عَيْبَدِ اللَّهِ عَنْ أَبِي سَمَّةَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ عَائِشَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهَا قَاتَتْ كُنْتَ أَنَّمَا بَيْنَ يَدَيِّ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرِجْلَاهِ فِي قِبْلَتِهِ فَإِذَا سَجَدَ غَمْرَنِي فَقَبَضَتُ رِجْلَيِّ فَإِذَا قَامَ بَسَطْتُهُمَا قَاتَتْ وَالْبَيْوَتُ يَوْمَئِذٍ لَّيْسَ فِيهَا مَصَابِيحُ

369- Ismail meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepadaku daripada Abi an-Nadhr maula 'Umar bin 'Ubaidillah daripada Abi Salamah bin 'Abdir Rahman daripada 'Aaisyah isteri Nabi s.a.w. Sesunggunhnya beliau menceritakan, katanya: "Aku tidur di hadapan Rasulullah s.a.w. dalam keadaan kakiku berada di sebelah Qiblatnya (melintang di tempat

---

Musaiyyab berkata: . الصلاة على الخمرة سنة . Bermaksud: "Bersembahyang di atas khumrah itu adalah sunnah (Nabi s.a.w.)." Kalau sudah sunnah, bagaimana boleh jadi makruh!

<sup>471</sup> Bab ini adalah kemuncak daripada beberapa bab yang lalu. Bab-bab yang lalu menampilkan alas sembahyang yang terdiri daripada benda-benda nipis atau keras. Bab ini pula menampilkan benda-benda tebal dan lembut sebagai pelapik tempat sembahyang seperti tilam, lihof, toto dan sebagainya. Sembahyang beralaskan benda-benda tebal dan lembut seperti itu juga harus dan sah jika ia bersih dan suci. Imam Bukhari r.a. membahagikan bab ini kepada tiga bahagian. **Pertama:** Bab Bersembahyang Di Atas Tilam. **Kedua:** Anas Bin Malik Bersembahyang Di Atas Tilamnya. **Ketiga:** Anas Berkata: Kami Selalu Bersembahyang Bersama Nabi S.A.W. Dalam Keadaan Ada Di Antara Kami Orang Yang Bersujud Di Atas Kain Yang Dipakainya (Sendiri). Bahagian pertama untuk menyabitkan keharusan bersembahyang di atas tilam dan menafikan kemestian bersembahyang di atas tanah atau bumi. Bahagian kedua dibawakan sebagai bukti kepada keharusan bersembahyang di atas tilam dan ia tidak khusus dengan Nabi s.a.w. dan tidak juga dimansukhkan, kerana Anas bersembahyang di atas tilamnya selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Atsar Anas ini dikemukakan Bukhari r.a. secara ta'liq dan ia diwashalkan oleh Ibnu abi Syaibah dan Sa'id bin Manshur. Kedua-dua mereka meriwayatkan daripada Ibni al-Mubaarak daripada Humaid, katanya: "Anas selalu bersembahyang di atas tilamnya." Baginda sendiri semasa hayatnya sering bersembahyang di atas tilam seperti dapat kita lihat di dalam hadits-hadits di bawah bab ini. Tilam yang diguna oleh Rasulullah s.a.w. untuk bersembahyang itu bukan tilam khusus, tetapi ia adalah tilam yang digunakan oleh beliau dan isterinya untuk tidur. Bahagian ketiga pula adalah untuk menyatakan keharusan bersembahyang dan bersujud di atas kain sama ada kain itu merupakan sebahagian daripada yang dipakai seseorang atau tidak. Ta'liq ini diwashalkan oleh Bukhari r.a. sendiri di dalam bab selepas ini. Melalui bahagian ketiga ini Bukhari r.a. sebenarnya mahu menolak pendapat Syafi'e dan Syafi'iyyah yang mengatakan tidak sah sembahyang orang yang bersujud di atas sebahagian daripada kain atau pakaian yang dipakainya (ثوب متفصل). Hafiz Ibnu hajar menulis: "Dengan mengadakan bab ini Bukhari r.a. semacam mengisyaratkan kepada hadits yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan lain-lain daripada 'Aaisyah r.a., katanya: كَانَ . رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يُصَلِّ فِي شَغْرَنَا أَوْ فِي لَحْنَنَا . Bermaksud: "Nabi s.a.w. tidak bersembahyang dengan menggunakan pakaian dalam kami atau selimut-selimut kami." Hadits ini bagi beliau tidak tsabit atau pada pandangan beliau ia adalah hadits syaz dan mardud (tertolak). Abu Daud juga telah menerangkan 'illatnya (kecacatan yang terdapat pada isnadnya).

sujudnya).<sup>472</sup> Baginda s.a.w. akan mengisyaratkan kepadaku (dengan menyentuh kakiku) apabila hendak sujud. Maka aku melipatkan kedua belah kakiku. Apabila Baginda s.a.w. bangun, aku menghulurkan semula kakiku.” ‘Aaisyah berkata: “Rumah-rumah pada masa itu tidak ada lampu.”<sup>473</sup>

٣٧٠ - حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ يُكَيْرَ قَالَ حَدَّثَنَا الْبَيْثُ حَدَّثَنِي عَفِيلٌ عَنْ أَبْنِ شِهَابٍ قَالَ أَخْبَرَنِي عُرْوَةُ أَنَّ عَائِشَةَ أَخْبَرَتْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُصَلِّي وَهِيَ بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْقِبْلَةِ عَلَى فِرَاشِ أَهْلِهِ اعْتِرَاضَ الْجَنَازَةِ

370- Yahya bin Bukair meriwayatkan kepada kami, katanya: al-Laits meriwayatkan kepada kami, katanya: ‘Uqail meriwayatkan kepadaku daripada Ibni syihab, katanya: ‘Urwah meriwayatkan kepadaku bahawa ‘Aaisyah memberitahunya sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersembahyang di atas tilam isterinya dalam keadaan dia (‘Aaisyah) terlintang di antara baginda dan qiblatnya (tempat sujudnya) seperti terlintangnya jenazah (orang yang mati).’<sup>474</sup>

٣٧١ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ قَالَ حَدَّثَنَا الْبَيْثُ عَنْ يَزِيدَ عَنْ عَرَاءٍ عَنْ عُرْوَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُصَلِّي وَعَائِشَةُ مُعْتَرِضَةٌ بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْقِبْلَةِ عَلَى الْفِرَاشِ الَّذِي يَنَامُ عَلَيْهِ

371- ‘Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: al-Laits meriwayatkan kepada kami daripada Yazid daripada ‘Iraak daripada ‘Urwah bahawa Rasulullah s.a.w. bersembahyang

<sup>472</sup> Di sinilah terletak sandaran Bukhari r.a. untuk tajuk bab ini. Walaupun di dalam hadits 369 ini tidak tersebut dengan jelas Nabi s.a.w. bersembahyang di atas tilam dan tidak juga tersebut ‘Aaisyah r.a. tidur di atas tilam, tetapi dua hadits selepas ini dengan terang menyebutkannya. Maka adalah wajar dikatakan bahawa ‘Aaisyah r.a. sememangnya tidur di atas tilam dan Rasulullah s.a.w. juga bersembahyang di atas tilam. Kalau tidak apa perlunya baginda menyentuh kaki ‘Aaisyah r.a. apabila hendak bersujud? Tentulah kaki ‘Aaisyah r.a. seperti tubuhnya, berada di atas tilam.

<sup>473</sup> Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Lelaki boleh bersembahyang dengan mengadap ke arah perempuan. Kedudukan perempuan di hadapannya tidak memotong, apalagi membantalkan sembahyangnya. Bagaimanapun sesetengah ‘ulama’ berpendapat makruh orang lain selain daripada Nabi s.a.w. bersembahyang dalam keadaan seperti itu, kerana dia mungkin sekali terganggu dan tergoda dengan kehadiran perempuan di hadapannya. Berbeza dengan Rasulullah s.a.w. terutamanya apabila diingat sembahyang beliau berlaku dalam suasana gelap tidak berlampa. (2) Sedikit pergerakan di dalam sembahyang tidak tidak membantalkannya. (3) Keharusan bersembahyang dengan mengadap ke arah orang yang sedang tidur. (4) Hadits ini merupakan salah satu dalil Bukhari r.a. dan orang-orang yang sependapat dengannya tentang menyentuh perempuan atau bersentuh-sentuhan dengannya tidak membantalkan wudhu’. (5) Boleh (harus) bersembahyang di atas tilam dan lain-lain hamparan seumpamanya. (6) Kata ‘Aaisyah r.a. bahawa: “Rumah-rumah pada masa itu tidak ada lampu” menunjukkan pada umumnya rumah-rumah pada ketika itu tidak berlampa atau kalau ada pun tidaklah sebanyak yang terdapat di zaman sahabat, setelah mereka beroleh kelapangan dan kesenangan dunia.

<sup>474</sup> Hadits ini dan hadits sebelumnya menunjukkan bahawa kepala ‘Aaisyah r.a. berada di sebelah kanan Rasulullah s.a.w. apabila beliau bersembahyang di atas tilam itu. Begitulah kedudukan jenazah apabila disembahyangkan. Kepalanya berada di sebelah kanan orang-orang yang menyembahyangkannya.

dalam keadaan 'Aaisyah terlintang di antara baginda dan qiblatnya (tempat sujudnya) di atas tilam yang mereka berdua tidur.'<sup>475</sup>

**باب السجود على التوب في شدة الحر** وقال الحسن كان القوم يسجدون على العمامة والقلنسوة ويدأه في كمه

23- Bab Sujud Di Atas Kain Pada Ketika Sangat Panas.<sup>476</sup> Hasan Al-Bashri Berkata: "Para Sahabat Bersujud Di Atas Serban Dan Songkok, Sementara Kedua Tangan Mereka Pula Berada Di Dalam Lengan Baju Mereka."<sup>477</sup>

- حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ هِشَامُ بْنُ عَبْدِ الْمَلِكِ قَالَ حَدَّثَنَا بَشْرٌ بْنُ الْمُفْضَلِ قَالَ حَدَّثَنِي غَالِبُ الْقَطَانُ عَنْ بَكْرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ ٣٧٢  
أَئْسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ كُنَّا نُصَلِّي مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَيَضَعُ أَحَدُنَا طَرَفَ التَّوْبِ مِنْ شِدَّةِ الْحَرَّ فِي مَكَانِ السُّجُودِ

<sup>475</sup> Hadits ini menunjukkan tilam yang diguna oleh suami isteri boleh juga dijadikan tempat sembahyang, dengan syarat di tempat berkenaan (tempat yang hendak dikerjakan shalat itu sendiri) tidak terdapat kesan najis. Walaupun mungkin sekali di mana-mana bahagian tilam itu telah terpalit najis, namun selagi ia tidak jelas kelihatan dan selagi tidak betul-betul dikesan, ia harus digunakan untuk bersembahyang.

<sup>476</sup> Di dalam beberapa bab sebelum ini Imam Bukhari r.a. telah membincangkan tentang alas atau pelapik tempat sembahyang yang diguna dari awal sembahyang hingga ke akhirnya. Boleh dikatakan kesemua ‘ulama’ berpendapat harus bersembahyang di atasnya. Sekarang beliau mahu membincangkan pula tentang alas atau pelapik tempat sujud di dalam sembahyang yang digunakan pada ketika-ketika tertentu sahaja dan untuk anggota tertentu sahaja di samping ia tidak disediakan khusus sebagai pelapik tempat sembahyang. Sst yang digunakan sebagai pelapik tempat sujud pada ketika-ketika tertentu mungkin merupakan kain atau pakaian yang dipakai seseorang (الثوب المتصل بالصلى، mungkin juga ia kain yang tidak dipakainya (الثوب المتفصل عن). Berhubung dengan kain yang tidak dipakai seseorang ketika bersembahyang atau kain yang terpisah daripada tubuhnya seperti sapu tangan, serban yang dihamparkan dan sebagainya, semua ‘ulama’ mengatakan harus dijadikan sebagai pelapik tempat sujud. Tetapi para ‘ulama’ berbeza pendapat tentang kain atau pakaian yang dipakai seseorang ketika bersembahyang dan tidak terpisah daripada tubuhnya. Seperti lengan baju, ekor serban dan lain-lain yang dipakai ketika bersembahyang. Imam Bukhari r.a. dan jumhur ‘ulama’ berpendapat ia juga boleh dijadikan sebagai pelapik tempat sujud. Imam Bukhari r.a. bahkan berpendapat, lingkaran atau lilitan serban yang menutupi dahi juga boleh dijadikan sebagai pelapik tempat sujud, sama ada tempat sujud itu panas, sejuk, berbatu tajam atau ia dalam keadaan biasa saja. Antara tokoh ‘ulama’ yang sependapat dengan Bukhari r.a. dalam masalah ini ialah Ibnu Abi Aufa, Hasan Bashri, Makhul, Sa’id bin Musaiyyab, Zuhri, Abu Hanifah, Al-Auzaa’i, Malik, Ahmad dan lain-lain. Alasan mereka antaranya ialah tangan, lutut dan hujung kaki juga diperintahkan supaya mengenai lantai tempat bersujud. Tetapi ijma’ ‘ulama’ mengatakan ketiga-tiganya boleh berlapik dengan kain atau pakaian yang dipakai seseorang (seperti sarung tangan, hujung lengan baju, stoking, khuf dan lain-lain). Kenapa pula dahi tidak boleh berlapik? Selain itu mereka juga berpegang dengan atsar Hasan yang dikemukakan oleh Bukhari r.a. di dalam tajuk bab di atas di mana beliau berkata: “Para sahabat bersujud di atas serban dan songkok, sementara kedua tangan mereka pula berada di dalam lengan baju mereka.” Qaid “pada ketika sangat panas” yang disebut Bukhari r.a. di dalam tajuk bab di atas adalah “qaid ittifaqi”, semata-mata kerana ia tersebut di dalam hadits. Keharusan melapik dahi dengan mana-mana bahagian pakaian yang dipakai di dalam sembahyang ketika bersujud sebenarnya tidaklah khusus dengan ketika sangat panas sahaja, malah ia harus juga pada ketika sangat sejuk atau pada ketika biasa. Hakikat ini dapat dilihat pada kata-kata Anas di dalam tajuk bab sebelum ini. Anas tidak menyebutkan apa-apa qaid pun di situ. Menerusi bab ini juga sesungguhnya Imam Bukhari r.a. secara halus mahu mengkritik dan menolak pendapat Imam Syafi’e dan anak buahnya. Ini kerana Syafi’e berpendapat sembahyang seseorang yang bersujud di atas sebahagian daripada pakaian yang dipakainya adalah tidak sah. Sama ada di atas hujung lengan bajunya atau di atas ekor serban yang dipakainya, apa lagi kalau di atas lilitan serban yang menutupi dahi. Kecualilah kalau kain yang dipakainya amat panjang sehingga ia tidak bergerak dengan pergerakannya.

<sup>477</sup> Atsar Hasan ini telah diwasihalkan oleh Ibnu Abi Syaibah dan 'Abdur Razzaaq di dalam *Mushannaf* masing-masing. Ia jelas menyebelahi Bukhari r.a.

372- Abul Walid Hisyam bin 'Abdil Malik meriwayatkan kepada kami, katanya: Bisyr bin Mufadhdhal meriwayatkan kepada kami, katanya: Ghalib bin al-Qatthan meriwayatkan kepadaku daripada Bakr bin 'Abdillah daripada Anas bin Malik, katanya: "Kami selalu bersembahyang bersama-sama Nabi s.a.w. Di kalangan kami ada yang meletakkan hujung kain yang dipakainya di tempat sujud kerana terlalu panas (tempat sujud itu)."<sup>478</sup>

### بَاب الصَّلَاةِ فِي النِّعَالِ

#### 24- Bab Bersembahyang Dengan Memakai Kasut.<sup>479</sup>

<sup>478</sup> Hadits Anas ini juga jelas menyebelahi Bukhari r.a. Kalau bersujud di atas sebahagian daripada pakaian yang dipakai seseorang memang membatalkan sembahyang, tentulah rasulullah s.a.w telah menegur para sahabat yang melakukan begitu. Tiada hujah bagi orang yang berkata: "Tidak terang di dalam hadits di atas Nabi s.a.w. tahu tentang apa yang dilakukan oleh sebahagian sahabatnya. Maka bagaimana beliau akan menegur mereka." Sebabnya ialah berdasarkan hadits sahih yang lain, Rasulullah s.a.w. nampak dan mengetahui apa yang berlaku di belakangnya ketika bersembahyang seperti mana beliau nampak sesuatu yang berada di hadapannya. Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits Anas ini dan atsar Hasan yang tersebut di dalam tajuk bab di atas ialah: (1) Harus bersembahyang di atas segala bentuk hamparan yang memisahkan seseorang daripada tanah atau bumi. (2) Harus bersujud di atas kain atau pakaian yang dipakai semasa bersembahyang seperti lengan baju, ekor serban dan lain-lain. (3) Pergerakan yang sedikit (yang bukan merupakan pergerakan sembahyang) di dalam sembahyang, tidak membatalkannya. (4) Bersujud di atas tanah atau bumi, itulah yang lebih afdhal dan yang dituntut pada asalnya. (5) Ibadat di dalam Islam tidak bersifat menyiksa dan menyusahkan. (6) Kata-kata sahabat: "Kami melakukan begini-begini bersama Nabi s.a.w. dikira sebagai hadits marfu'". (7) Sahabat ada yang memakai serban dan ada juga yang memakai songkok semasa bersembahyang. (8) Cuaca di Madinah sangat panas di musim panas.

<sup>479</sup> Bab sebelum ini menyatakan langkah untuk melindungi dahi dan tangan daripada kepanasan. Kalau dahi dan tangan boleh dilapik dan di alas dengan kain atau pakaian yang dipakai, maka bagaimana dengan kaki? Bolehkah kita melindunginya daripada kepanasan bumi jika kita tidak menggunakan sejadar? Untuk merungkai persoalan inilah Bukhari r.a. mengadakan pula bab ini. Jika melalui bab-bab sebelum ini Bukhari r.a. membicarakan tentang pakaian yang menutupi aurat dan yang menutupi bahagian atas tubuh, maka sekarang beliau mahu membicarakan pula tentang pakaian di bahagian bawah tubuh iaitu kaki. Selain daripada menyatakan keharusan memakai kasut atau selipar untuk melindungi kaki daripada kepanasan ketika bersembahyang, Imam Bukhari r.a. juga mahu mendedahkan sebab lain kenapa Rasulullah s.a.w. memakai kasut dan menyuruh pula para sahabatnya memakai kasut atau selipar ketika bersembahyang? Ini dapat dilihat umpamanya di dalam dua hadits di bawah ini di mana Rasulullah s.a.w. bersabda: . خَالِفُوا الْيَهُودَ فَإِنَّهُمْ لَا يُصَلِّونَ فِي نَعَالٍ وَلَا فِي حَافِظٍ (1) . Bermaksud: "Bantahilah (amalan dan tradisi) orang-orang Yahudi. Sesungguhnya mereka tidak bersembahyang dengan memakai kasut dan tidak juga dengan memakai khuf." (Riwayat Abu Daud, Ibnu Hibbaan, Baihaqi dan Hakim daripada Syaddaad bin Aus). (2) صُلِّوا فِي نَعَالٍ وَلَا تَشْبِهُو بِالْيَهُودِ . Bermaksud: "Bersembahyanglah kamu dengan memakai kasut. Jgnlah kamu menyerupai orang-orang Yahudi." (Riwayat ath-Thabarani di dalam al-Mu'jam al-Kabir juga daripada Syaddaad bin Aus). Jawapannya ialah untuk menyalahi perbuatan dan amalan orang-orang Yahudi apabila mereka bersembahyang. Orang-orang Yahudi di zaman itu menanggalkan kasut dan selipar apabila hendak masuk ke dalam biara atau hendak bersembahyang. Kedua-dua sebab tersebut itu apabila sudah tiada di zaman kemudian termasuk di zaman kita ini, maka tiadalah juga keperluan memakai kasut atau selipar sewaktu bersembahyang sama ada di dalam masjid, mushalla atau di tempat-tempat lain. Mungkin juga Imam Bukhari r.a. mengadakan bab ini untuk menyatakan keelokan atau sunat bersembahyang dengan memakai kasut, kerana ia termasuk dalam perhiasan yang melengkapkan pakaian seseorang. Ini sesuai dengan firman Allah yang berbunyi: . يَا أَيُّهُ الْأَنْبَيْرُ إِذَا زَوْجَتُمُوهُنَّ مُسْكِنَةً كُلَّ مسْكِنٍ . Bermaksud: Hai anak Adam, pakailah perhiasanmu (berupa pakaian yang lengkap) pada setiap kali kamu ke masjid (atau pada setiap kali kamu hendak bersembahyang dan berthawaf). (al-'A'raaf:31). Kalau inilah sebenarnya maksud Bukhari r.a., maka beliau dalam masalah ini sependapat dengan gurunya Imam Ahmad. Syeikh Fakhruddin Ahmad (Syeikhul Hadits Darul 'Uloom Deoband) berpendapat melalui tajuk bab ini Imam Bukhari r.a. sebenarnya